

PM cadang kurangkan sewa hotel

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur pengusaha-pengusaha hotel kerana mengenakan kadar sewa bilik yang terlalu tinggi.

Perdana Menteri berkata, kerajaan pernah membangkitkan perkara itu tetapi pertubuhan-pertubuhan yang terabit mengatakan bahawa kadar itu tidak dapat dikurangkan.

Bagaimanapun katanya, dengan pertumbuhan industri hotel hari ini, pengusaha-pengusaha itu mula merasakan kesan bila mengenakan kadar sewa yang tinggi.

Berikutan itu pengusaha-pengusaha berkenaan terpaksa juga menurunkan kadar sewa itu, tambahnya.

Berucap di upacara

penyiapan kerja (topping-off) bangunan Hotel Pan Pacific Kuala Lumpur (PPKK) di sini, beliau berkata kewujudan hotel-hotel baru menyebabkan perpindahan para pelanggan dari hotel lama ke hotel yang baru didirikan.

"Ini menunjukkan kita tidak mempunyai pelanggan yang ramai. Oleh itu kalau kita tidak pandai memujuk, maka berlakulah perpindahan pelanggan dari sebuah hotel ke hotel yang lain," tambahnya.

Gaji

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, para pengusaha hotel perlu sedar bahawa pengenaan kadar sewa yang tinggi juga akan meningkatkan kos pengurusan.

"Apabila pengusaha mengenakan kadar sewa yang tinggi para pekerja akan menuntut kenaikan gaji. Mereka mahukan sebahagian daripada keuntungan yang dipero-

leh itu," tambahnya.

Perdana Menteri berkata, selain itu, kadar sewa yang tinggi juga akan merugikan syarikat-syarikat hotel berkenaan kerana banyak bilik yang dibina akan kosong.

"Kita mesti melihat kepentingan negara yang mahu meningkatkan industri pelancongan," jelasnya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap, kadar sewa yang akan dikenakan oleh PPKK lebih sederhana dan tidak membabitkan kos yang tinggi.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengingatkan kontraktor-kontraktor tempatan bahawa perpindahan teknologi tidak akan berlaku kalau mereka tidak bersedia menerimanya.

Beliau menjelaskan, kerajaan terpaksa mengambil kontraktor asing kerana projek-projek yang diserahkan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Bagaimanapun Perda-

na Menteri bangga kerana kontraktor-kontraktor tempatan kini sedikit sebanyak sudah sedar dan mulai belajar dari kesilapan mereka.

Sekarang ramai kontraktor tempatan sudah dapat menyiapkan projek-projek dalam tempoh yang ditetapkan, katanya.

Peniaga

PPKK yang terletak di tengah-tengah pusat perdagangan bandaraya ini dijangka siap sepenuhnya September ini. Apabila siap, ia akan mempunyai 556 bilik dan pelbagai kemudahan seperti gelanggang tenis, gimnasium, 21 unit kedai, bilik-bilik persidangan dan beberapa perkhidmatan untuk para peniaga.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar Datuk Seri Haji Sanusi Junid dan Pengerusi Seri Pacific Corporation, Datuk Rahim Abdul Rahman.